

# UMS perlu serius tangani plagiat

PLAGIAT berlaku di UMS, satu-satunya universiti kita di Sabah yang boleh kita banggakan. Persoalan timbul sama ada sistem prundangan dan pengurusan UMS adil dalam menghukum dan menangani kes-kes seperti itu.

Kolonel (Naib Canselor), Ketua Pendftar dan Ketua Jabatan Perundangan harus melihat serius perkara ini.

Saya masih lagi mengajar di UMS. Pada 2000, sesetengah anggota Unit Inggeris menulis sebuah buku yang diterbitkan dan Dekan PPIB pada tahun itu mendapati bahawa buku itu telah diplagiat dengan hampir separuh daripada kandungannya ditiru daripada penulis-penulis lain. Penulis-penulis pertama mendakwa bahawa kandungan buku itu milik mereka.

Persoalannya ialah, bolehkah seseorang mendakwa buku itu miliknya jika kandungan buku itu milik orang lain. Bolehkah pakar akademik mendakwa kerja milik orang lain sebagai miliknya. Tidak cukup dengan itu, universiti membayar untuk penerbitan itu! Dekan yang sebenarnya mendapat tahu bahawa kandungan buku itu telah diplagiat sekadar mendiamkan diri kerana tidak mahu keadaan menjadi kecoh.

Apabila seseorang menulis sebuah buku, idea itu haruslah asli, bukan separuh daripada kandungannya disi dengan kerja orang lain. Pakar akademik harus tahu peraturan menulis buku. Kenapa universiti terlepas pandang kes-kes seperti ini dan tidak mengambil tindakan terhadap penulis? Selain itu, kakitangan PIBB (belum disahkan jawatan) dibenar meneruskan pengajian mereka di luar negara sedangkan salah seorang daripadanya belum melengkapkan pengajiannya sehingga ke hari ini!

Kelakarnya, orang-orang ini disahkan selepas kembali daripada belajar peringkat PhD yang tidak habis dengan surat pengesahan yang diundurkan tarikhnya.

Adakah Kolonel (NC) dan Pandaftar UMS sedar perkara ini atau berpura-pura tidak tahu mengenainya? Apa yang berlaku kepada kakitangan gigih bekerja yang hanya akan meneruskan pengajian selepas disahkan dalam jawatan?

Apa berlaku kepada amalan biasa JPA dan peraturan UMS dalam menangani isu-isu seperti itu. Atau adakah kerana salah seorang daripada mereka berasal dari semenanjung? Di mana hak penduduk Sabah terhadap perkhidmatan di Universiti itu?

Menurut satu sumber, satu dekad lalu, salah seorang yang melakukan plagiat mempunyai saudara yang memegang jawatan tinggi di Jabatan Pelajaran (Kementerian Pengajian Tinggi). Adakah kerana individu ini mempunyai "kabel" yang kuat maka dia telah dilepaskan daripada kesalahan-kesalahan seperti ini? Buku itu telah dijual kepada pelajar sambilan!

Mahasiswa-mahasiswa yang mengambil kursus itu juga diwajibkan membeli buku itu. Mereka mengaut keuntungan daripada penjualan buku itu.

Pengurusan UMS tidak fikir plagiat sesuatu yang serius dan berharap orang akan lupa. Pengurusan UMS seharusnya lebih menghargai kakitangan yang jujur dan rajin kerana sikap tidak jujur akan menjejaskan semangat pekerja yang jujur di UMS. Mereka yang melakukan plagiat ini seharusnya dibicara, dihukum dan ditamatkan perkhidmatan bukannya dibenarkan terus menikmati pendapatan lumayan.

Pensyarah-pensyarah sepenuh masa membuat tuntutan bayaran kerja sambilan melebihi RM10,000 adalah sesuatu yang sukar diterima akal, khususnya bagi pensyarah-pensyarah yang memegang jawatan pentadbiran tinggi di PPIB. Ada sekumpulan pensyarah Unit Inggeris dari PPIB menuntut RM32,000 untuk bayaran kerja sambilan.

Ramai tertanya-tanya bagaimana mereka melakukannya kerana pertama, mereka perlu melakukan kerja-kerja pentadbiran (dan mereka seharusnya sibuk!). Kedua, memberi syarahan kepada pelajar sepenuh masa memerlukan banyak persediaan (kecuali mereka bukan pensyarah berdedikasi).

UMS sepatutnya mempunyai had bagi pensyarah sepenuh masa melakukan kerja sambilan. NC, tolong jangan bazirkan dana yang diperuntukkan kepada UMS! Banyak lagi institusi-institusi di Sabah yang memerlukan dana.

Kebelakangan ini, UMS nampaknya membazir begitu banyak wang! Tetamu-tetamu dihadiahkan kotak kayu mengandungi tandatangan Kolonel menggunakan emas. Siapalah agaknya yang menikmati habuan daripada kontrak itu.

Khabar angin bertiup kencang bahawa kontrak landskap menelan belanja sehingga RM30 juta setahun dan dibahagikan di antara seorang pemimpin Umno Penampang dan bekas pekerja sebuah pusat hiburan malam, yang kebetulan berkawan dengan seorang Menteri Persekutuan tertentu yang kerap melanggan di premis itu apabila dia berada di sini.

Jika NC, Ketua Pendaftar dan Ketua Jabatan Perundangan merasakan mereka tidak boleh melakukan kerja itu, mereka harus melepaskan jawatan.

**Warga Prihatin**